Sidang Kemuncak IFSB Keempat: "Keperluan Pendekatan Merentas Sektor dalam Pengawalseliaan Perkhidmatan Kewangan Islam" 15 Mei 2007, Dubai, Emiriah Arab Bersatu

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Meskipun saya sendiri tidak berada di sini disebabkan saya terpaksa meninggalkan Dubai dengan segera, namun pastinya saya berada di sini kerana komitmen saya pada agenda kewangan Islam. Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang menyampaikan ucapan di sidang kemuncak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) Keempat ini yang dianjurkan oleh Central Bank of United Arab Emirates. Tema sidang kemuncak, iaitu "Keperluan Pendekatan Merentas Sektor dalam Pengawalseliaan Perkhidmatan Kewangan Islam" menunjukkan bahawa usaha bersepadu dan terlaras diperlukan untuk memastikan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam dan untuk memperkukuh peranannya sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan kontemporari yang berdaya maju. Isu yang kita hadapi kini adalah bagaimana pendekatan merentas sektor ini diterima pakai agar berupaya menyumbang ke arah keadaan kewangan global yang lebih stabil.

I. Kedinamikan kewangan Islam memperkaya arkitektur kewangan global

Pertumbuhan pesat pasaran kewangan Islam, pembangunan infrastruktur kewangan sokongan dan peraturan kehematan antarabangsa yang distandardkan yang sedang dikeluarkan oleh IFSB telah memperkukuh arkitektur kewangan Islam antarabangsa dengan ketara, lantas membantu memastikan kestabilan dan keteguhan industri kewangan Islam. Tema sidang kemuncak ini mencerminkan perhatian berterusan terhadap aspek penting ini dalam pembangunan kewangan Islam.

II. Kesan "pertumpuan" terhadap pembangunan pasaran dan rangka kerja pengawalseliaan

Proses pertumpuan yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan transformasi dalam industri kewangan dalam dekad kebelakangan ini telah terus membentuk semula landskap sektor kewangan di dalam dan di luar negeri. Penyahpengantaraan dan sempadan sektor tradisional yang semakin kabur antara industri perbankan, insurans dan sekuriti merupakan antara trend dalam industri perkhidmatan kewangan. Pertumpuan yang didorong oleh tekanan untuk menjadi lebih cekap, merangkumi beberapa dimensi, termasuk dalam kalangan jenis institusi kewangan yang berlainan dan merentas pelbagai negara. Meskipun pertumpuan telah meningkatkan usul nilai bagi pengguna, ia menimbulkan cabaran baharu bagi pengawal selia dalam memastikan keselamatan dan keteguhan sektor kewangan secara keseluruhan. Cabaran ini termasuk untuk memastikan kecukupan rangka kerja pengawasan, menangani kerumitan untuk menilai kualiti amalan pengurusan risiko, mengurangkan kemungkinan berlakunya arbitraj pengawalseliaan dan memenuhi tuntutan bagi respons pengawalseliaan yang konsisten di dalam dan merentas pelbagai negara.

Aspek ini harus ditangani bagi industri perkhidmatan kewangan Islam yang berkembang pesat, memandangkan implikasi pertumpuan yang nyata terhadap pembangunan pasaran dan rangka kerja pengawalseliaan. Di kebanyakan negara, institusi kewangan Islam telah berkembang dalam rangka kerja dan parameter sistem konvensional. Namun, peningkatan rejim pengawalseliaan secara berterusan diperlukan untuk memastikan sistem konvensional ini dapat menangani risiko yang khusus bagi urus niaga kewangan Islam dengan sewajarnya. Ini penting bagi sistem berasaskan kontrak dalam kewangan Islam. Urus niaga kewangan oleh institusi kewangan dalam sektor masing-masing lazimnya berkongsi kontrak dasar yang sama dengan profil risiko yang setara, yang tertakluk kepada set peraturan yang berasingan bagi sektor kewangan masing-masing yang berlainan. Ini jelas dilihat dalam usaha untuk memaksimumkan kelebihan bersaingan kewangan Islam berhubung dengan konsep perkongsian keuntungan dan risiko. Penerapan konsep ini dalam aktiviti pengambilan deposit oleh institusi perbankan Islam secara konsepnya boleh membawa kepada profil risiko yang menyerupai pengurus dana Islam dan peserta pasaran sekuriti. Konsep ini melibatkan risiko fidusiari yang sama tahapnya bagi institusi kewangan Islam dalam memastikan dana deposit pelaburan diuruskan secara paling berkesan dan cekap. Medan beroperasi yang tidak sama rata mungkin timbul sekiranya peraturan kehematan yang berbeza dikenakan dalam bidang keperluan kecukupan modal, amalan pengurusan risiko, amalan pasaran dan peraturan penzahiran kewangan, ketelusan, tadbir urus dan rangka kerja Syariah semata-mata berdasarkan sempadan sektor tradisional. Oleh itu, profil risiko dan isu-isu pengawalseliaan yang serupa tersebut harus ditangani dengan cara yang konsisten merentas sektor agar persaingan yang sihat dapat dikekalkan dan juga untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya arbitraj pengawalseliaan.

III. Ke arah kecekapan optimum dalam pendekatan pengawalseliaan merentas sektor

Menyedari betapa pentingnya pendekatan merentas sektor bagi pengawalseliaan industri perkhidmatan kewangan Islam, izinkan saya membincangkan tiga isu strategik yang utama dalam menentukan hala tuju ke arah mencapai kecekapan optimum dalam pendekatan pengawalseliaan merentas sektor.

Pertama ialah keperluan untuk memberikan lebih tumpuan terhadap pencapaian wawasan yang sama berhubung dengan landskap masa depan industri perkhidmatan kewangan Islam. Paling utama dalam mencapai matlamat kestabilan kewangan ialah kejelasan tentang parameter skop dan jenis aktiviti perniagaan institusi kewangan dan pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, dalam landskap kewangan Islam semasa merentas pelbagai negara, wujud perbezaan dan apa yang dianggap kesamaran dalam skop khusus dan jenis perkhidmatan kewangan Islam yang dibenarkan dalam setiap sektor masing-masing. Cabaran yang dihadapi oleh pengawal selia adalah untuk merumuskan rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif yang dapat menangani dengan sewajarnya pendedahan risiko masing-masing bagi institusi kewangan Islam. Institusi perbankan Islam di Malaysia misalnya mungkin mempunyai parameter yang berbeza dari segi skop perniagaan dan aktiviti yang dibenarkan berbanding dengan institusi perbankan Islam di negara lain. Ini mungkin membawa kepada pemahaman yang berbeza dalam kalangan pengawal selia sektor dan peserta industri tentang skop aktiviti perniagaan institusi kewangan Islam dalam pelbagai negara. Oleh itu, pihak-pihak di dalam dan merentas negara harus bersependapat mengenai jenis dan skop aktiviti perniagaan sesebuah institusi perbankan Islam, pengendali takaful atau peserta pasaran modal Islam untuk menjadi panduan bagi pembangunan industri yang

teratur. Pada dasarnya, industri yang berupaya memenuhi tuntutan persekitaran yang baharu dan menangani cabaran yang baru muncul perlu dibangunkan secara berstruktur bagi memastikan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam yang mampan.

Usaha bersama baru-baru ini oleh Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) dan IFSB telah membentuk asas untuk mencapai matlamat ini, dengan pengeluaran Strategi dan Pelan Sepuluh Tahun bagi Pembangunan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam tidak lama lagi dan penubuhan Jawatankuasa Tetap untuk mengawasi pelaksanaannya. Perumusan pelan induk sepuluh tahun bagi industri perkhidmatan kewangan Islam ini merupakan langkah penting untuk menetapkan rangka tindakan bagi memacu pembangunan kewangan Islam secara berstruktur dan serentak merentas pelbagai negara untuk mencapai matlamat bersama, yakni sistem kewangan Islam yang memberangsangkan dan komprehensif. Dokumen ini akan menyediakan rangka kerja yang membolehkan pihak berkuasa negara mewujudkan rancangan strategik bagi pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam yang teratur, lantas memudahkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai jenis pendekatan pengawalseliaan merentas sektor yang diperlukan.

Kini saya akan menyentuh pula isu kedua berhubung dengan keperluan kerjasama yang lebih jitu yang perlu digembleng dalam kalangan pengawal selia kewangan. Kerjasama yang berstruktur dalam kalangan pengawal selia merentas sektor dapat menyediakan rangka kerja untuk merasionalisasikan dasar-dasar utama merentas sektor dan membolehkan pengawalseliaan institusi kewangan Islam yang lebih cekap. Penyelarasan antara agensi adalah penting untuk menangani risiko lazim merentas sektor bukan sahaja melalui perkongsian maklumat bahkan melalui pengharmonian peraturan kehematan dan peraturan amalan pasaran, penerapan rangka kerja tadbir urus Syariah yang konsisten dan penghasilan jaringan keselamatan perkongsian yang komprehensif. Pendekatan kerjasama yang berstruktur bagi rundingan tentang isu-isu kepentingan bersama adalah lebih berkesan berbanding dengan penyelarasan secara ad hoc dalam menangani peristiwa seperti pengurusan krisis dan kesan kontagion sistemik. Budaya kerjasama yang kukuh akan menyumbang ke arah penghasilan peraturan yang lebih konsisten dan penerapannya merentas sektor, manakala setiap negara masih boleh membuat pertimbangan sendiri dalam menentukan model pengawalseliaan yang paling sesuai untuk diterima pakai berdasarkan konteks dan persekitaran khusus setiap sektor masing-masing.

Strategi pembangunan merentas sektor yang kumulatif dan komprehensif telah diterima pakai di Malaysia sejak lahirnya kewangan Islam. Perundangan yang merangkumi perbankan Islam, takaful dan aktiviti pasaran modal telah digubal lebih daripada dua dekad yang lalu untuk menyediakan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan bagi industri perkhidmatan kewangan Islam. Rangka kerja tadbir urus Syariah yang konsisten turut diwujudkan bagi industri kewangan Islam. Anggota yang sama dalam Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga diwujudkan untuk mencapai keselarasan antara pengawal selia sektor. Kerjasama antara agensi juga telah menjadi rasmi dengan penyempurnaan Memorandum Persefahaman antara Bank Negara Malaysia dengan Suruhanjaya Sekuriti. Pembentukan Jawatankuasa Eksekutif antara agensi peringkat tertinggi baru-baru ini juga telah menaikkan lagi taraf pengaturan kerjasama menjadi penglibatan yang lebih meluas. Jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai tertinggi daripada

Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan berkaitan yang utama, pengawal selia kewangan dan pasaran serta wakil sektor perbankan, takaful dan pasaran modal. Melalui wawasan dan komitmen bersama, Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji semula semua dasar yang relevan bagi pembangunan dan penggalakan kewangan Islam secara komprehensif.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyelia operasi dasar monetari dan memelihara kestabilan kewangan sistem kewangan. Dalam konteks inilah pengurusan keseluruhan sektor perkhidmatan kewangan Islam masih kekal sebagai salah satu fungsi Bank Negara Malaysia. Sektor perkhidmatan kewangan Islam memerlukan tumpuan khusus dalam aspek pengawalseliaan sifat kontraktualnya dan ciri-ciri unik kewangan Islam yang industri kewangan Islam yang lebih banyak terlibat dalam sektor ekonomi benar melalui prinsip murabahah, musyarakah dan mudarabah dalam kontrak pembiayaan Islam. Sehubungan dengan ini, pengurusan risiko dalam kewangan Islam memerlukan teknik dan kepakaran yang berbeza. Pada hakikatnya, sifat kontraktual kewangan Islam mempunyai implikasi terhadap dasar monetari dari segi pewujudan kredit dan berhubung dengan kadar pulangan atau kadar hasil aset. Oleh itu, kesan keseluruhannya terhadap sistem kewangan Islam dan dasar monetari telah memperkukuh keperluan untuk menerima mandat penting ini – yakni mendukung bentuknya dan bukannya strukturnya, memandangkan hubungan antara kestabilan kewangan dengan operasi dasar monetari ini. Bagi memperkukuh lagi rangka kerja ini, Bank Negara Malaysia telah menukar pendekatannya daripada pendekatan pengawalseliaan sektor kepada pendekatan yang mengintegrasikan pengawalseliaannya terhadap pelbagai institusi kewangan yang di bawah kawal selianya berdasarkan fungsian untuk menempatkannya (Bank Negara Malaysia) pada kedudukan yang lebih baik untuk memastikan kestabilan kewangan dalam sistem keseluruhan.

Isu ketiga berkaitan dengan penyelarasan global yang merupakan tunggak dalam pengawalseliaan industri kewangan Islam yang cekap ketika dimensi antarabangsa industri ini semakin penting dan ketika industri ini menjadi satu komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa dalam persekitaran yang semakin global. Ini dapat dicapai dengan memanfaatkan infrastruktur antarabangsa yang sedia ada dan mempertingkatkan kerjasama pengaturan bekerja.

Amalan terbaik dan peraturan dalam bidang industri perkhidmatan kewangan telah dipengaruhi piawai antarabangsa yang ditetapkan oleh badan penetapan standard Antarabangsa seperti Bank for International Settlement (BIS), IFSB, International Association of Insurance Supervisors (IAIS) dan International Organization of Securities Commissions (IOSCO) dan juga entiti penetapan standard perakaunan antarabangsa yang kesemuanya bertujuan memastikan amalan terbaik dalam industri kewangan. Namun, harus ada ketekalan dalam peraturan yang digunakan dalam sistem kewangan antarabangsa. Usaha oleh Joint Forum of the Basel Committee, IAIS dan IOSCO dalam menangani isu merentas sektor seperti persamaan dan perbezaan dalam prinsip teras (i), dan dari segi perbezaan pengawalseliaan dan pasaran merentas sektor (ii) telah membentuk asas untuk mencapai ketekalan sedemikian dalam peraturan merentas sekor di peringkat antarabangsa.

Bagi industri perkhidmatan kewangan Islam, mandat komprehensif IFSB yang merangkumi komponen utama sektor kewangan dan keahlian yang meluas yang terdiri daripada pengawal selia dan peserta

industri sektor masing-masing menyediakan platform untuk mencapai ketekalan merentas sektor sedemikian. Dalam melaksanakan peranan terasnya untuk menggalakkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam yang berhemat, telus dan kukuh dengan menyebarluaskan piawai kehematan antarabangsa, IFSB dengan rangkaian keahliannya yang luas merentas sektor dari lebih 20 negara berada pada kedudukan yang baik untuk memastikan isu merentas sektor ditangani dengan bersungguh-sungguh. Usaha yang sedang diambil oleh kumpulan kerja khusus terhadap piawai bagi tadbir urus korporat untuk industri takaful dan rangka kerja tadbir urus Syariah merangkum seluruh industri, membuktikan mandat meluas IFSB yang menjangkaui industri perbankan. Di samping itu, IFSB, melalui hubungannya dengan badan antarabangsa lain termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) BIS, AAOIFI, IAIS dan IOSCO akan dapat menghasilkan sinergi dalam penghasilan piawai antarabangsa di masa depan bagi kewangan Islam. Penglibatan dan kerjasama yang lebih giat dapat membina asas untuk mempertingkatkan pemahaman tentang dinamik kesalinghubungan yang penting dalam pembangunan kewangan Islam yang teguh.

Kerjasama kukuh dalam kalangan pengawal selia juga penting untuk menangani isu asal-negara (home-host) dalam perkhidmatan kewangan Islam merentas sempadan. Penerapan peraturan yang konsisten merentas pelbagai negara seperti pelaksanaan piawai modal bagi perkhidmatan kewangan Islam akan memudahkan pembangunan kewangan Islam global yang teratur. IMF bersama-sama dengan Bank Dunia yang mengorak langkah untuk menubuhkan Forum Bersama mempunyai peranan yang berpotensi penting dalam memudahkan inisiatif merentas sektor bagi industri perkhidmatan kewangan Islam. Dalam konteks Program Penilaian Sektor Kewangan, galakan juga boleh diberikan bagi pematuhan dan pelaksanaan piawai dan peraturan IFSB merentas pelbagai negara bersama-sama dengan prinsip dan piawai teras Jawatankuasa Basle, IAIS dan IOSCO. Ini pastinya dapat menyumbang ke arah usaha untuk mencapai kestabilan kewangan global dalam sistem kewangan Islam antarabangsa.

IV. Kesimpulan

Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mengatakan bahawa penjajaran pendekatan merentas sektor merupakan bahagian penting dalam proses membina sistem kewangan Islam yang berdaya maju dan mampan. Oleh itu, usaha harus diteruskan untuk memperkukuh arkitektur kewangan Islam antarabangsa dan mempertingkatkan kerjasama di samping menghasilkan rangka kerja pengawalseliaan domestik yang kukuh untuk menghadapi persekitaran yang sangat dinamik dan berubah dengan pesat. Sememangnya menjadi harapan kita semua agar sidang kemuncak ini dapat menyumbang ke arah menjana usaha bersama yang lebih jitu melalui perbincangan pelbagai pihak yang berkepentingan, dan aktiviti membina rangkaian hubungan untuk meningkatkan pemahaman kita tentang isu-isu merentas sektor dalam kewangan Islam.

Sidang Kemuncak Pelaburan dan Kewangan Malaysia - Indonesia 18 Jun 2007, Jakarta, Indonesia

"Mempertingkat Integrasi Kewangan Nusantara Baharu"

Ucapan Majlis Makan Tengah oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Perkembangan pesat perdagangan antarabangsa di gugusan kepulauan Melayu menjadi satu sejarah lampau yang menjangkau beberapa abad. Rantau Asia Tenggara merupakan laluan samudera penting bagi perdagangan antara Timur dengan Barat. Aktiviti perdagangan ini telah menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran serantau yang kukuh.

Hari ini rantau Asia Tenggara – rantau Nusantara terus menjadi salah satu rantau paling dinamik di dunia. Sejak bermulanya abad ini, ekonomi rantau ini telah muncul semula untuk menjadi salah sebuah daripada ekonomi yang pesat berkembang di dunia, dalam keadaan cabaran baharu, perkembangan ekonomi dan kewangan penting. Kesungguhan kita dalam membuat pembaharuan dan penyusunan semula telah menghasilkan asas makroekonomi yang lebih kukuh dan sistem kewangan yang teguh dan stabil. Usaha ini terus diperkuat oleh asas-asas kukuh rantau ini, iaitu kekayaan sumber asli dan sumber manusia, kadar tabungan yang tinggi, dan kecenderungan yang telah sebati untuk tekun berusaha bagi menghadapi cabaran.

Kumpulan negara ASEAN 5 yang merangkumi Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura sekarang ini telahpun mencatat pertumbuhan yang stabil untuk suatu tempoh yang panjang.

Fenomena terkini dekad ini ialah hubungan ekonomi dan kewangan antara rantau yang semakin meningkat lantas merangsang integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Kedudukan geografi yang berhampiran dan persamaan budaya telah diperkukuh oleh pelbagai kekuatan yang terdapat di rantau ini. Faktor ini penting dalam meningkatkan proses integrasi.

Apabila integrasi ekonomi dan kewangan serantau yang lebih luas ini dimajukan, ia akan menjadi pemangkin yang kuat bagi perkembangan perdagangan dan pelaburan antara rantau pada masa hadapan, lantas menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang mampan kendiri dan saling memperteguh di rantau Nusantara Baharu.

Saya amat berbesar hati hari ini untuk menyampaikan ucapan tentang peranan yang bakal dimainkan oleh platform ekonomi dan kewangan yang bersepadu dalam rantau Nusantara, rantau yang pertumbuhan ekonominya pesat dan didiami oleh hampir 300 juta umat Islam. Ucapan saya akan tertumpu pada potensi yang akan dijana oleh platform kerjasama dan pentingnya untuk membina hubungan antara rantau Nusantara dengan rantau lain di dunia.

Kemajuan ekonomi, kemakmuran dan kestabilan kewangan semasa rantau ini telah memberikan kita peluang baharu yang strategik untuk membangunkan usul nilai baharu bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi daripada proses integrasi ekonomi dan kewangan yang semakin pantas. Malah, telahpun wujud kesalinghubungan formal dan tidak formal yang menggalakkan antara

pasaran kewangan negara masing-masing dan juga penglibatan yang lebih giat antara komuniti korporat, peserta pasaran dan pihak berkuasa yang berkenaan.

Platform kerjasama berasaskan kelebihan berbanding bagi ekonomi Nusantara yang pelbagai boleh mendapat manfaat daripada sifat saling melengkapi antara ekonomi negara masing-masing. Pada dasarnya, peluang ini akan meningkatkan potensi untuk memperluas pasaran, menambah bilangan produk dan memperdalam keupayaan penyelidikan dan pembangunan. Sehubungan dengan itu, kemunculan kewangan Islam dalam arus perdana sistem kewangan memberikan peluang kepada pengantara kewangan Nusantara, khususnya Malaysia dan Indonesia dan negara jiran lain, untuk meneroka baharu ini dan dengan berbuat demikian memperkukuh lagi hubungan ekonomi dan kewangan.

Pembinaan platform kewangan Nusantara bukan sahaja akan mempermudah dan menggembleng dana yang boleh dilabur daripada ekonomi-ekonomi berkenaan tetapi juga membolehkan pengagihan dana yang lebih cekap ke dalam pelaburan yang produktif di negara lain di rantau ini. Ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pengurangan kos dana bahkan membolehkan pempelbagaian risiko yang lebih luas.

Kebelakangan ini minat untuk menyertai aktiviti pelaburan merentas sempadan semakin bertambah dalam ekonomi negara masing-masing. Aliran modal Malaysia ke Indonesia bertambah tiga kali ganda, berjumlah USD2.2 bilion pada tahun 2006 berbanding dengan tahun sebelumnya. Indonesia dianggarkan memerlukan pelaburan tahunan sebanyak kira-kira USD22 bilion untuk beberapa tahun akan datang bagi pembangunan infrastrukturnya, dengan sebahagian besar pembiayaan akan disediakan oleh sektor swasta. Begitu juga dengan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 yang memerlukan pembiayaan sebanyak RM107.6 bilion. Pembangunan pengantara dan pasaran kewangan serantau kita ini akan memudahkan penggemblengan sumber untuk membiayai aktiviti berpotensi ini dan dengan itu menyumbang kepada mengekalkan pembangunan ekonomi Nusantara.

Perubahan ketara dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global memerlukan pasaran Asia Tenggara untuk segera mencapai tahap integrasi kewangan yang lebih besar. Ini perlu bagi meningkatkan skel dan kadar kecekapan proses pengantaraan kewangan. Sambil ekonomi-ekonomi ASEAN melangkah ke arah pembentukan blok ekonomi menjelang tahun 2015, kadar kemajuan integrasi kewangan perlu dipercepat bagi mempermudah lagi pencapaian matlamat ini. Namun begitu, penyebaran secara meluas produk kewangan hibrid yang inovatif dan aktiviti jualan silang serantau akan meningkatkan kedinamikan pelbagai dimensi pasaran dan risiko merentas sempadan negara. Pengenalpastian risiko akan menjadi bertambah kompleks yang seterusnya akan menyulitkan proses pengurusan risiko. Pasaran yang semakin berintegrasi dan liberal akan juga mendedahkan ekonomi kita yang rapuh kepada pengaruh luaran yang lebih luas dan risiko kontagion. Dengan itu, tahap kewaspadaan yang lebih tinggi diperlukan untuk membolehkan langkah-langkah dasar awalan dilaksanakan tepat pada waktunya. Ini akan memerlukan tahap kerjasama yang mencukupi dalam kalangan pengawal selia serantau bagi menangani kemungkinan risiko sistemik yang kontagion dan memastikan kestabilan kewangan serantau.

Oleh itu, peningkatan kerjasama antara pihak berkuasa monetari dan pengawalseliaan Nusantara merupakan faktor utama dalam pembangunan platform bersepadu yang teguh. Peningkatan kerjasama akan menggalakkan daya tahan yang lebih utuh dan mengurangkan

rantau ini daripada mudah terjejas akibat perkembangan luaran. Kini, terdapat pelbagai mekanisme serantau untuk melaksanakan pengawasan serantau secara rapi, memudahkan pertukaran maklumat, mengadakan lebih banyak perbincangan mengenai isu yang mempengaruhi rantau ini dan dalam membangunkan pasaran kewangan serantau. Selain itu, rangka kerja untuk pengurusan risiko serantau, pengurusan krisis dan penyelesaian yang lebih baik juga sedang diwujudkan.

Dengan integrasi kewangan lebih meluas, rantau ini boleh memanfaatkan kelebihan skala ekonomi, inovasi dan yang lebih penting ialah meletakkan pergantungan yang lebih besar pada kekuatan kumulatif yang terdapat dalam rantau termasuk sumber kewangan, kemahiran dan pengetahuan kita. Ini juga akan meletakkan rantau ini pada kedudukan yang lebih baik untuk bersama-sama menangani isu yang timbul dan cabaran yang dihadapi rantau ini dengan mengambil kira konteks sosioekonominya.

Sementara minat dan penerimaan global terhadap kewangan Islam semakin meningkat, Nusantara Baharu, sebuah rantau yang didiami bilangan penduduk Islam terbesar di dunia, menawarkan peluang untuk pengembangan pesat kewangan Islam. Ciri-ciri yang ada pada struktur kewangan Islam menggalakkan kestabilan. Prinsip Islam mengehendaki supaya urus niaga kewangan disokong oleh urus niaga ekonomi sebenar. Bagi terus memperkukuh prinsip ini, prinsip Syariah yang mendasarinya juga bertindak sebagai mekanisme pengawalseliaan kendiri yang telah tersedia, yang melindungi penerbit instrumen Islam daripada elemen tidak produktif dan spekulatif, dan unsur tidak beretika dan dengan itu menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dari segi sejarah, aliran pembiayaan dan pelaburan modal ke dalam rantau Nusantara secara amnya diperoleh daripada pasaran kewangan yang maju. Meskipun kita melihat pertumbuhan berterusan aliran masuk modal jangka pendek daripada sumber tradisional ini, persekitaran global yang lebih bersaingan menjamin aliran pelaburan jangka panjang itu akan berterusan. Sementara itu, rantau Asia Tenggara kita dan rantau Asia Utara dan Timur Tengah terus mempunyai lebihan tabungan yang tinggi yang mencari peluang untuk pelaburan dan kelas aset baharu bagi mempelbagaikan lagi risiko dan meningkatkan pulangan atas pelaburan mereka.

Beratus-ratus tahun dahulu, pelabuhan-pelabuhan di Nusantara merupakan destinasi untuk perdagangan rempah ke Eropah melalui India dan Timur Tengah. Dalam konteks ini, kewangan Islam boleh menjadi jambatan yang menghubungkan rantau Nusantara dengan negara yang mempunyai lebihan modal. Sememangnya institusi kewangan kami sedang meneroka untuk menyertai pasaran di Timur Tengah dan kami pula mengalu-alukan kehadiran institusi kewangan mereka dalam sistem kewangan kami. Malahan kini, perkembangan ini telah memanfaatkan tenaga mahir dan sumber yang sedia ada di Malaysia dan Timur Tengah, yang mendorong inovasi produk dan perkhidmatan, lantas mewujudkan kedalaman dan keluasan bagi pasaran kewangan yang berkaitan.

Seperti Selat Melaka yang merupakan penghubung samudera yang penting bagi rantau Nusantara, Malaysia dan Indonesia berpotensi menjadi pengantara penting untuk menggembleng modal bagi memenuhi keperluan rantau Nusantara, dan untuk menjadi pusat pengagihan sekuriti berlandaskan Syariah dan memperluas

pasaran modal Islam serantau ke rantau lain di dunia. Yang penting ialah usaha bersama kita untuk menggalakkan penstandardan dalam hal-hal yang bersangkutan dengan pengawalseliaan dan pematuhan secara Islam. Sehubungan dengan ini, Malaysia dan Indonesia sudah pun bekerjasama untuk menggalakkan keupayaan penyelidikan dan kumpulan tenaga mahir dan pakar teknikal dalam kewangan Islam.

Faktor kejayaan yang kritikal dalam menggalakkan kewangan Islam merentas sempadan ialah pengharmonian rangka kerja Syariah yang mendasarinya antara negara kita. Dalam hal ini, Indonesia, yang mempunyai sejarah pencapaian keilmuan yang luas dalam bidang berkaitan prinsip kewangan Islam, boleh dimanfaatkan untuk faedah rantau ini. Kami amat mengalu-alukan pertumpuan interpretasi dan penerapan undang-undang dan garis panduan Syariah yang substantif untuk rantau ini. Usaha kerjasama yang lebih luas antara cendekiawan kita sesungguhnya akan memudahkan proses itu.

Perhimpunan besar wakil-wakil kanan sektor awam dan swasta di sini hari ini membayangkan minat yang ketara untuk memanfaatkan potensi ekonomi Nusantara. Usaha sektor swasta dan awam membina platform kerjasama sebagai asas yang berdaya tahan bagi rangkaian hubungan dengan rantau lain di dunia, dengan izin Allah, insya-Allah, akan menyumbang kepada kemajuan Agenda Nusantara yang akan merealisasikan potensi rantau ini menghasilkan kemakmuran yang boleh dinikmati bersama dengan lebih meluas.

Sidang Kemuncak Sukuk 2007: "Cabaran kepada Pasaran Modal Islam Global: Perkembangan Strategik di Malaysia" 20 Jun 2007, London

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini, di London untuk berucap di sidang kemuncak sukuk ini, yang merupakan satu persidangan yang amat penting. Pasaran Bon Islam – pasaran sukuk – merupakan komponen utama sistem kewangan Islam. Dalam tempoh sedekad kebelakangan ini, pasaran sukuk telah berkembang pesat dan peranannya dalam memperkukuh evolusi kewangan Islam adalah penting. Perkembangan global pasaran sukuk begitu penting dalam persekitaran kewangan dan ekonomi yang lebih mencabar ini. Pasaran ini telah menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kecekapan penggemblengan dan pengagihan dana dalam sistem kewangan negara dan juga dalam sistem kewangan antarabangsa. Perkembangan ini juga diperlihatkan oleh tahap inovasi dan kecanggihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam. Perkembangan pasaran bon Islam yang memberangsangkan ini juga berperanan penting dalam mempertingkatkan hubungan antara pasaran kewangan kerana ia memudahkan aliran dana merentas sempadan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pasaran sukuk, sebagai sumber pembiayaan penting bagi projek pelaburan skala besar, berperanan penting dalam memudahkan proses pembangunan ekonomi. Bagi pelabur, pasaran sukuk memberikan potensi yang lebih besar untuk mempelbagaikan pelaburan dalam kelas aset baharu. Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu pada potensi besar pasaran bon Islam dalam proses pembangunan ekonomi, peranannya dalam memastikan kestabilan kewangan dan peranannya dalam menggalakkan integrasi kewangan yang lebih luas dalam sistem kewangan global. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia dalam pembangunan pasaran ini. Pasaran sukuk di Malaysia kini telah berkembang menjadi salah satu pasaran bon Islam terbesar di dunia.

Peranan besar pasaran sukuk dalam pembangunan ekonomi

Keperluan pembiayaan bagi pembangunan ekonomi adalah sangat besar. Bagi sektor awam dan juga sektor swasta, pasaran bon penting untuk memenuhi keperluan pembiayaan tersebut. Ini penting terutamanya bagi ekonomi pasaran yang sedang pesat membangun. Timur Tengah dan Asia merupakan dua rantau dalam ekonomi global yang sedang berkembang dengan pesat berikutan penswastaan dan pelaksanaan projek infrastruktur. Perbelanjaan untuk infrastruktur di Asia sahaja dianggarkan sebanyak USD1 trilion sepanjang lima tahun akan datang, manakala keperluan infrastruktur di Timur Tengah dianggarkan sebanyak USD500 bilion sepanjang tempoh yang sama. Cabaran yang dihadapi adalah untuk mewujudkan sistem pengantaraan yang akan menyalurkan lebihan tabungan dari kedua-dua rantau ini ke dalam pelaburan

yang produktif. Dalam konteks inilah pasaran modal Islam, khususnya pasaran sukuk, akan menjadi saluran penting untuk menggembleng dana jangka panjang dengan cekap bagi memenuhi keperluan pembiayaan tersebut.

Pengalaman global menunjukkan bahawa kekurangan pasaran bon yang maju akan mewujudkan keadaan mudah terjejas kerana ekonomi terlalu bergantung pada pembiayaan daripada sektor perbankan. Keadaan ini sering kali menyebabkan berlakunya ketidakpadanan pendanaan yang mengakibatkan kesan buruk terhadap kestabilan kewangan. Pembangunan pasaran bon membolehkan akses kepada pendanaan mengikut tempoh matang yang bersesuaian, dengan itu dapat mengelak daripada berlakunya ketidakpadanan pendanaan. Pembangunan pasaran bon juga membolehkan pelabur dan penerbit mempelbagaikan risiko mereka.

Kelebihan utama struktur sukuk adalah kerana ia berasaskan aset sandaran benar. Sebagai contoh, sukuk ijarah - bon Islam yang menerima pakai pengaturan jualan dan pajakan balik – ialah satu instrumen bersandarkan aset yang memberikan jaminan berterusan kepada pelabur. Pendekatan ini tidak menggalakkan pendedahan berlebihan kemudahan pembiayaan melampaui nilai aset sandaran itu, memandangkan penerbit tidak boleh mendapat pembiayaan melebihi nilai aset.

Di samping itu, kewangan Islam menetapkan bahawa pembiayaan mesti disalurkan untuk tujuan produktif, seperti pembiayaan projek dan bukan untuk tujuan aktiviti spekulasi. Oleh itu, pendedahan risiko adalah pada projek dan bukannya pada ketidaktentuan ataupun aktiviti yang tidak mempunyai manfaat ekonomi benar. Lantaran itu, pengantara kewangan Islam mempunyai potensi untuk berperanan sebagai penyumbang kepada kestabilan kewangan.

Dalam persekitaran semasa, permintaan terhadap sukuk melebihi penawaran dengan ketara. Kini, pasaran global sukuk dalam denominasi mata wang antarabangsa dianggarkan berjumlah USD18 bilion. Jika terbitan sukuk domestik diambil kira, anggarannya kini melebihi USD50 bilion. Walaupun saiz pasaran nampak sederhana mengikut standard pasaran global, pasaran sukuk telah mencatat pertumbuhan purata yang memberangsangkan sebanyak 40 peratus setahun. Permintaan luar biasa ini didorong oleh tahap lebihan tabungan dan rizab yang tinggi di rantau Asia dan Teluk. Rantau Asia mempunyai kadar tabungan yang lebih tinggi berbanding dengan mana-mana rantau lain di dunia dan dijangka kekal antara 30 hingga 40 peratus daripada KDNK untuk beberapa tahun akan datang.

Pasaran sukuk memberikan banyak manfaat kepada penerbit dan pelabur. Penerbit memperoleh manfaat daripada peningkatan besar mudah tunai dalam dunia Islam, dan dapat mempergunakan sumber-sumber dana baharu ini. Dana yang diperoleh daripada pasaran bon Islam dalam persekitaran semasa ini adalah antara 10 hingga 20 mata asas lebih rendah daripada bon arus perdana. Bilangan agensi pelbagai hala yang sedang menerbitkan sukuk untuk membiayai projek pembangunan telah bertambah. Selain itu, agensi Kerajaan dan sektor korporat telah menganggap pasaran sukuk sebagai satu sumber pembiayaan yang menarik.

Dari perspektif pelabur, terdapat manfaat daripada pempelbagaian. Dalam terbitan sukuk pada tahun 2005, 48 peratus daripada terbitan telah dilanggan oleh pelabur berasaskan konvensional. Peningkatan minat terhadap sukuk ini yang diperkukuh oleh mudah tunai lebihan dalam sistem kewangan global merupakan sebahagian daripada sebab harga sukuk menarik bagi penerbit.

Memperluas hubungan ke bahagian lain dunia

Kemunculan produk kewangan Islam, khususnya dalam pasaran modal juga telah menggalakkan integrasi kewangan global yang lebih luas. Dengan mempertemukan institusi kewangan dan peserta pasaran merentas benua untuk menyertai peningkatan aliran pelaburan antara rantau ini, ia telah memupuk hubungan kewangan dalam kalangan rantau utama. Ini bukan saja memberikan sinergi dan peluang yang besar bahkan akan menyumbang ke arah memudahkan kestabilan kewangan antarabangsa.

Seperti Laluan Sutera lama pada kurun ke-14 yang telah memberi laluan untuk memudahkan perdagangan rempah dari Timur ke Barat, kini, kita boleh membayangkan Laluan Sutera baharu dengan aliran kewangan merentas sempadan antara Timur dengan Barat, dan dengan itu menggalakkan integrasi kewangan antarabangsa. Dalam konteks ini, pasaran kewangan Islam khususnya, pasaran sukuk, mempunyai peranan penting dalam memperkukuh kesalinghubungan ini. Kepentingan Laluan Sutera baharu ini ialah ia menyediakan laluan bagi aliran kewangan sedemikian dan menggalakkan integrasi kewangan yang lebih menyeluruh untuk manfaat komuniti yang lebih meluas. Laluan Sutera Baharu ini tidak harus dibayangkan sebagai penghubung antara rantau Asia dengan Timur Tengah sahaja tetapi meluas hingga ke Eropah dan ke bahagian lain di seluruh dunia. Sesungguhnya, kita sudah menyaksikan penyertaan pelabur global dan komuniti kewangan antarabangsa. Penyertaan sebuah pusat kewangan seperti London akan memupuk pertumbuhan global dan integrasi antarabangsa bagi pasaran ini. Penglibatan pengawal selia dan agensi kerajaan juga menyumbang dalam mempercepat proses ini.

Malaysia merupakan salah sebuah negara destinasi pengantara utama sepanjang Laluan Sutera Baharu ini yang menawarkan platform untuk originasi terbitan, pengagihan dan perdagangan instrumen pasaran modal Islam dan perbendaharaan, termasuk sukuk. Malaysia sedang menempatkan dirinya sebagai pintu masuk pelaburan Islam ke Asia, dengan kelebihan yang dimiliki dalam pengurusan dana dan harta Islam. Malaysia telah membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional. Yang penting ialah kesalinghubungan dalam sistem yang merangkumi industri perbankan dan takaful, dan pasaran wang dan modal Islam – matriks yang saling memperkukuh integriti dan kestabilan sistem kewangan Islam. Ini disokong oleh infrastruktur kewangan, rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan dan kepakaran untuk menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam.

Kejayaan Malaysia dalam membangunkan pasaran sukuk

Izinkan saya berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan pasaran sukuk. Pasaran bon Islam Malaysia telah mencapai kemajuan ketara sejak terbitan sukuk pertama pada tahun 1990 oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia. Pembangunan pasaran merangkumi inisiatif untuk memudahkan proses terbitan yang cekap, proses penentuan harga, peningkatan jumlah pelabur, pewujudan hasil tanda aras, kecairan dalam pasaran sekunder dan pengukuhan rangka kerja pengawalseliaan. Inisiatif ini diperkukuh oleh rangka kerja perundangan dan Syariah dan infrastruktur kewangan sokongan termasuk sistem penyelesaian dan maklumat bon.

Berikutan pembangunan pasaran domestik yang teguh dan memberangsangkan, kini inisiatif diambil untuk meningkatkan kepentingan dimensi antarabangsa bagi sistem kewangan Islam kami. Ini merangkumi pelbagai bentuk langkah liberalisasi termasuk membawa masuk peserta asing baharu kewangan Islam ke dalam sistem kami melalui pengeluaran lesen baharu dan membenarkan tahap kepentingan asing yang lebih tinggi dalam institusi kewangan domestik kami. Liberalisasi ini juga termasuk kemungkinan penyertaan asing yang lebih besar dalam pasaran kewangan domestik kami.

Pada tahun 2002, Malaysia terus menempa kejayaan penting apabila kerajaan Malaysia menerbit sukuk kerajaan global yang pertama, meraih USD600 juta. Dengan kejayaan terbitan itu, ia menjadi tanda aras antarabangsa untuk terbitan sukuk global. Terbitan sukuk itu disenaraikan di Bursa Saham Luxembourg, Bursa Saham Kewangan Antarabangsa Labuan dan Bursa Saham Bahrain. Sejak itu, bon Kerajaan terus diterbitkan dalam pasaran modal global.

Pada tahun 2006, terbitan sukuk menggunakan konsep seperti Mudharabah, Musyarakah dan Ijarah telah dilancarkan dalam pasaran Malaysia. Penerbitnya termasuk syarikat berkaitan kerajaan Malaysia. Contoh terpenting ialah terbitan sukuk Musyarakah boleh tukar bernilai USD750 juta oleh Khazanah, sebuah syarikat pelaburan Kerajaan yang bertujuan menjual pegangan saham dalam Telekom Malaysia. Ini merupakan terbitan yang pertama di dunia bagi jenis sukuk yang menggabungkan ciri boleh ubah sepenuhnya yang lazim bagi urus niaga berkaitan ekuiti konvensional.

Berikutan perkembangan ini, pasaran sukuk Malaysia telah menarik minat pelbagai pengatur utama. Di samping itu, pasaran ini menjadi semakin canggih ekoran peningkatan permintaan dan pertambahan bilangan penerbit serta jumlah pelabur yang semakin besar. Menjelang bulan Januari 2007, Malaysia mencakupi 67 peratus atau kira-kira dua pertiga daripada sukuk global terkumpul yang berjumlah kira-kira USD47 bilion.

Pertumbuhan pasaran sukuk juga mencerminkan iltizam dan usaha bersama Kerajaan dan pengawal selia Malaysia. Terdapat pernyataan yang jelas tentang wawasan dan dasar untuk memacu pasaran modal Islam tempatan. Ini diperkukuh oleh pelaksanaan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan percukaian yang mantap. Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah bekerjasama rapat dalam menyediakan rangka tindakan yang penting berturut-turut: Pelan Induk Sektor Kewangan 10 Tahun, Pelan Induk Pasaran Modal 10 Tahun dan garis panduan sekuriti Islam. Kerajaan telah menegaskan semula kesemua rancangan dan inisiatif ini dengan pengumuman pelbagai langkah percukaian dalam bajet tahun 2006.

Satu lagi aspek penting dalam pembangunan pasaran sukuk ialah pembangunan komponen utama lain dalam sistem kewangan Islam, iaitu pasaran wang, sektor perbankan dan sektor takaful. Komponen-komponen ini mampu memenuhi pelbagai keperluan ekonomi termasuk perbezaan dalam tempoh dana diperlukan. Ini termasuklah penyediaan dana jangka panjang yang stabil untuk pelaburan besar dan projek pembangunan. Ini akan membolehkan pengagihan sumber kewangan dan ekonomi yang seimbang

dalam ekonomi, mempelbagaikan risiko melalui sistem kewangan Islam, dan mempertingkatkan kefleksibelannya untuk menyelaras, lantas mengukuhkan daya tahannya.

Dalam Malaysia melangkah ke pasaran modal Islam yang lebih liberal dan global, peranan industri ini dalam memajukan sistem kewangan Islam menjadi semakin penting. Peranan industri ini menjadi penting dalam menerajui inovasi produk, penjenamaan, pemprofilan, penggalakan dan pemasaran produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam. Ini telah menyumbang kepada pembangunan pasaran sukuk yang lebih dalam dan lebih cair, cekap, telus dan berkesan.

Cabaran dalam pembangunan pasaran modal Islam global

Meskipun banyak yang telah dicapai, banyak lagi yang masih perlu dilakukan. Saya akan menyentuh beberapa cabaran dan inisiatif yang diambil untuk menanganinya. Perkara penting bagi pembangunan pasaran modal, termasuk pasaran modal Islam, ialah pewujudan platform dagangan sekunder untuk instrumen pasaran modal. Ini akan memberi pelabur kefleksibelan dalam menguruskan keperluan mudah tunai mereka. Dalam hubungan ini, banyak lagi yang perlu dilakukan dari segi pembentukan penawaran kertas dan instrumen Islam yang berterusan yang akan menggalakkan dagangan sekunder instrumen dan menambah lagi kedalaman pasaran.

Jenis dan tempoh matang sukuk dalam pasaran juga perlu lebih pelbagai untuk institusi kewangan Islam dan pengurus portfolio mengurus dana mereka dengan berkesan. Kerajaan Malaysia secara tetap telah menerbitkan sukuk dengan pelbagai tempoh matang untuk mewujudkan kelok hasil tanda aras, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani isu ini. Sejak tahun 2000, Kerajaan telah melaksanakan kalendar jualan untuk terbitan konvensional dan sukuk Kerajaan. Pada tahun 2005, Kerajaan mula menerbitkan bil perbendaharaan Islam jangka pendek dan sukuk jangka panjang dengan tempoh matang 10 tahun bagi mempelbagaikan lagi instrumen yang tersedia untuk pelabur. Sekuriti hutang swasta Islam kini merangkumi 50 peratus daripada jumlah pasaran sekuriti hutang swasta, dalam pasaran sukuk Malaysia.

Satu lagi cabaran kepada pertumbuhan pasaran ialah berhubung dengan isu penentuan harga. Inisiatif seterusnya perlu diambil untuk menghasilkan penunjuk harga sendiri untuk sekuriti Islam supaya harganya ditentukan dengan cekap dan ia boleh dipercayai. Sebagai contoh, jika sesuatu sukuk diterbitkan berdasarkan prinsip Ijarah dan menggunakan harta sebagai aset sandarannya, kadar sebenar sewa boleh diteliti untuk digunakan bagi menentukan kadar pulangan atas instrumen itu. Kadar pulangan sukuk itu kemudiannya akan berubah-ubah bergantung pada permintaan dan penawaran terhadap harta tersebut. Dengan itu, ia akan memberikan gambaran sebenar harga aset sandaran.

Pakar Syariah, yang memahami sepenuhnya selok-belok sukuk, merupakan kunci dalam memastikan tadbir urus sukuk yang bersesuaian. Selain itu, apabila keputusan Syariah dibuat, ia harus telus dan dizahirkan. Ini akan membolehkan pihak lain menghargai ijtihad itu, yang kemudiannya akan menyebabkan penerimaan lebih meluas keputusan Syariah, terutama jika keputusan itu mempunyai implikasi atas urus niaga merentas sempadan. Sehubungan dengan itu, panduan yang boleh dirujuk oleh penerbit dan pelabur berhubung dengan keputusan Syariah akan memudahkan pembangunan pasaran.

Yang turut penting ialah pencapaian pertumpuan prinsip dan interpretasi Syariah untuk memastikan keyakinan pasaran dalam kalangan pelabur dari pelbagai pelosok dunia. Bagi mencapai tujuan ini, perlu ada pelaburan berterusan dalam modal intelek dan perbincangan yang lebih kerap dalam kalangan cendekiawan Syariah. Kekerapan perbincangan yang sedang diadakan dalam kalangan cendekiawan Syariah telah menghasilkan pertumpuan ini.

Penerimaan global terhadap kewangan Islam, pengharmonian standard dan amalan adalah juga penting. Sokongan padu harus diberikan kepada organisasi penetapan piawaian antarabangsa seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) untuk merumus piawai bersesuaian yang akan mengukuhkan sistem kewangan Islam. IFSB sudah pun merumus olahan kehematan bagi pelaburan sukuk oleh institusi kewangan Islam seperti yang digariskan dalam Standard Kecukupan Modal. IFSB juga telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan rangka kerja dan amalan dalam pasaran wang Islam. Usaha selanjutnya sedang dijalankan untuk merumus strategi bagi mengukuhkan rangka kerja pengurusan mudah tunai dan mengenal pasti langkah-langkah untuk menghasilkan sekuriti Islam tanda aras yang boleh membantu menentukan kadar tanda aras bagi aplikasi seluruh sistem.

Kerjasama global untuk membangunkan pasaran kewangan Islam

Sesungguhnya, meskipun masih terdapat banyak lagi cabaran yang perlu ditangani, hala tuju keseluruhan dan potensi pasaran kewangan Islam global sememangnya diakui. Lebih banyak perbincangan dan pertemuan antara industri, cendekiawan dan pihak berkuasa akan mewujudkan kesedaran, pemahaman dan penghayatan yang lebih luas terhadap isu dan hala tuju bagi penyelesaiannya. Ini akan menyediakan persekitaran yang membolehkan potensi sepenuhnya kewangan Islam dapat direalisasikan. Sesungguhnya, ini merupakan cabaran global dan hasil yang terbaik akan dicapai hanya melalui usaha bersama cendekiawan, industri dan pihak berkuasa.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan tahniah kepada penganjur yang berjaya menyediakan platform pada persidangan ini bagi pelbagai pihak berkepentingan sukuk daripada penerbit hinggalah kepada pelabur. Saya ucapkan selamat bersidang buat anda semua.